



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	10/3/2013

'Bersama pertahan kedaulatan negara'

BH-10/3/2013

Balik Pulau: Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu rakyat bersama dengan kerajaan mempertahankan kedaulatan negara supaya insiden di Lahad Datu, Sabah tidak berulang pada masa depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun negara ini berada dalam keadaan aman dan selamat, rakyat tidak boleh mengambil mudah kerana

musuh sentiasa mencari peluang menjadikan negara ku-car-kacir.

"Dalam kejadian itu (Lahad Datu) ada wira kita terbunuh dan ada harga yang perlu dibayar untuk mendapatkan keamanan. Ini sememangnya kita tidak duga tapi ia berlaku, membabitkan keselamatan negara.

"Justeru, saya mahu rakyat

bersama dengan kerajaan mempertahankan negara supaya negara kita tidak dice-roboh musuh," katanya pada program santai dan ramah mesra bersama penduduk di Kampung Nelayan Teluk Kumbar, Bayan Lepas, dekat sini, semalam.

Tinjau kampung nelayan

Pada program itu, Muhyiddin turut meluangkan masa bersarapan pagi bersama kira-kira 1,000 penduduk Teluk Kumbar yang hadir selain meninjau perkampungan nelayan itu.

Pada program berkenaan,

beliau turut mengumumkan peruntukan Kerajaan Pusat sebanyak RM500,000 untuk menaik taraf jeti nelayan di kampung berkenaan.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, rakyat perlu bersatu-padu mengekalkan keamanan negara dan mengambil iktibar terhadap insiden pencerobohan di Lahad Datu.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Perdana Menteri yakin rakyat terus menyokong Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kerana parti itu mempunyai pengalaman lebih 55 tahun menerajui negara.